


Headline	SAMBUNG LEGASI ARWAH BAPA		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	04 Jan 2020	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	8	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	833 cm ²
Journalist	Ahmad Rabiul Zulkifli cnews	AdValue	RM 32,689
Frequency	Daily	PR Value	RM 98,067



SAMBUNG LEGASI ARWAH BAPA

Lima beradik tuai hasil daripada ilmu penternakan

“Sekarang, kami faham kenapa bapa memaksa kami menguruskan ternakan, rupanya bapa ingin melatih kami kemahiran penternakan untuk dimanfaatkan apabila dia (bapa) sudah tiada”

Siti Farah Nabihah Mohd Ashini

FARAH (kanan) bersama adiknya diberi pendedahan mengenai kegiatan penternakan sejak kecil.



Oleh Ahmad Rabiul Zulkifli
cnews@nstp.com.my

Kuala Terengganu

Kesanggupan lima beradik berusia 27 hingga tujuh tahun menternak pelbagai ternakan selepas kematian bapa mereka akibat penyakit jantung empat tahun lalu harus dipuji dan dicontohi.

Biarpun terpaksa bergelumang dengan najis haiwan ternakan selain menjalani rutin menguruskan ternakan seperti kerbau, lembu, kambing dan ayam seawal jam 7 pagi namun ia tidak membuatkan lima beradik dari Kampung Pak Pa, Bukit Besar itu berasa kekok dan terbeban.

Siti Farah Nabihah Mohd Ashini, 27, Siti Fatin Nabillah, 24, Mohd Farhan Irfan, 17, Fikri Adam, 14, dan Mohd



Farish Anaqi, 7, menjalankan kegiatan penternakan pelbagai ternakan itu untuk memastikan legasi penternakan yang dijalankan bapa mereka sejak lebih 30 tahun lalu diteruskan.

Siti Farah Nabihah berkata, dia bersama empat adiknya didedahkan dengan aktiviti dan kegiatan penternakan lembu, kerbau, kambing dan ayam itu sejak kecil oleh arwah bapa, Mohd Ashini Abdul Rahman, 54.

“Kami diberi pendedahan dengan kegiatan penternakan itu sejak kecil oleh ibu kegiatan penternakan sudah sebatian dengan kehidupan kami sekeluarga.

“Kami adik-beradik sentiasa dikerah bapa untuk ke kandang bagi menguruskan semua ternakan dan ketika itu sering tertanya-tanya tujuan bapa berbuat demikian.

“Sekarang, kami faham kenapa bapa memaksa kami menguruskan ternakan, rupanya bapa ingin melatih kami kemahiran penternakan untuk dimanfaatkan apabila dia (bapa) sudah tiada,” katanya.

Tambahnya, dia dan keluarganya sudah berjanji untuk meneruskan legasi penternakan yang dijalankan bapanya dan bercita-cita untuk mengambangkan lagi kegiatan penternakan itu pada masa akan datang.

“Berebalkan pengalaman dan ilmu yang dicurahkan arwah bapa, kami bersyukur kerana mampu menguruskan semua ternakan sendiri, seterusnya menampung keperluan keluarga sehingga sekarang.

“Kami menjaga semua ternakan iaitu lembu 15 ekor, kambing (16 ekor), biri-biri (5 ekor) dan

Daging ternakan dijual di Pasar Tani Hiliran setiap Khamis dan Jumaat

kerbau (2 ekor) dengan baik selain tidak melepaskan ternakan berkeliaran supaya tidak mendatangkan masalah kepada penduduk setempat.

“Kami memperoleh kepuasan apabila ternakan sihat dan gemuk selain mendapat permintaan tinggi daripada pelanggan. Ternakan di kandang sentiasa bersilih ganti kerana dijual dan keuntungan yang diperolehi akan digunakan semula untuk membeli ternakan lain,” katanya.

Sementara itu, Fatin Nabillah berkata, dia sekeluarga akan meneruskan kegiatan penternakan itu dan bercita-cita untuk mengambangkan lagi kegiatan penternakan berkenaan.

“Kami berpakat mengumpul wang bagi membeli lebih banyak ternakan. Biasanya pada musim Aidiladha, banyak lembu di kandang yang akan dijual dan keuntungan diperolehi akan digunakan sebahagiannya untuk membeli ternakan baharu.

“Ternakan itu bukan sahaja dijual hidup, malah disembelih sebelum dagingnya dijual di Pasar Tani Hiliran pada setiap pagi Khamis dan Jumaat,” katanya.

Menurutnya, aktiviti menjual daging lembu yang disembelih diuruskan abang sulung iaitu Mohd Fadhli, 29.